# AKADEMI SAGA SEKOLAH MEKANIK

Oleh Solihan Haji Badri



ENCIK KARIM... pengetua akademi.

***Tujuannya meningkatkan kemahiran mekanik tempatan dan membantu membekalkan mekanik terlatih kepasa EON***



TAN SRI JAMIL...tingkatkan mutu khidmat.

EDARAN Otomobil Nasional Berhad (EON) mencatatkan satu lagi sejarah dalam perkembangan industri automobil di Malaysia dengan siapnya pembinaan Akademi Saga di Kawasan Perindustrian Hicom, Shah Alam, Selangor.

Akademi itu, yang didirikan dengan perbelanjaan $5 juta di kawasan seluas 1.7 hektar, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu.

Pembinaannya bertujuan meningkatkan kemahiran mekanik tempatan, di samping membantu membekalkan mekanik terlatih kepada EON.

Kewujudannya juga adalah hasil usaha sepakat antara EON, Proton dan Petronas setelah menyedari perlunya melabur dalam usaha melatih mekanik secara profesional sejajar dengan arus perkembangan teknologi automotif yang semakin pesat.

Pelatih terbabit apabila lulus kelak akan ditugaskan di semua pusat servis EON dan stesen minyak Petronas bagi memberi perkhidmatan kepada pemilik kereta.

Pengerusi EON, Tan Sri Jamil Mohamed Jan, dalam ucapan pada majlis perasmian itu, berkata kereta penumpang kini semakin canggih dan EON melihat betapa pentingnya untuk mempertingkatkan segera perkhidmatannya dalam bindang servis dan baikpulih automobil.

Petronas dan Proton yang masing-masing bertanggungjawab membina Akademi Saga, menghulurkan bantuan $850,000 bagi perbelanjaan akademi itu.

"EON pula akan menampung sebahagian besar perbelanjaan yang diperlukan bagi mengendalikan akademi itu," katanya.

Keyakinan rakyat kepada keupayaan projek kereta nasional Proton Saga serta menghasilkan sambutan yang begitu menggalakkan daripada pemohon untuk menyertai program perantis.

EON menerima lebih 30,000 permohonan ketika pertama kali mengumumkan pengambilan pada awal tahun lalu dan 80 pelatih sedang mengikuti latihan dua tahun..

Selain itu, akademi itu juga merancang menawarkan kursus khas automobil kepada mekanik yang sedang bekerja untuk memperkemaskan pengetahuan dan kemahiran mereka serta menganjurkan kursus kepada pemilik kereta Proton Saga tidak lama lagi.



GERUDI...Perdana Menteri memasang papan piagam di majlis perasmian.

Akademi itu menyediakan kemudahan termasuk asrama bagi 100 peserta, sebuah bengkel moden, bilik syarahan dan stesen minyak.

Pengetua Akademi Saga, Encik Abdul Karim Yassin, berkata penubuhan akademi yang ulung di Malaysia itu mencerminkan kesungguhan EON mahu menyediakan khidmat selepas jualan kepada pemilik kereta Proton Saga.

Katanya, sebagai pengetua pertama, beliau menghadapi tugas mencabar itu dengan penuh tanggungjawab.

Ketika ini, Akademi Saga menawarkan program perantis kepada lepasan sekolah yang tidak mempunyai pengalaman dalam bidang automobil, tetapi ingin menjadikannya sebagai kerjaya.

Selama dua tahun latihan, 70 peratus daripada masanya ditumpukan kepada latihan amali dan 30 peratus teori. Selain latihan, pelatih akan dihantar ke pusar servis Sagapac untuk memperolehi pengalaman bekerja.

Syarat kemasukan ialah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Matematik, Fizik atau Sains Am. Calon juga perlu lulus ujian kemasukan yang diadakan sebelum diterima menyertainya.

Pelatih yang menamatkan latihan dengan jayanya akan dianugerahkan Sijil Perantis Mekanik Automobil. Kemasukan perantis dihadkan kepada 20 pelatih iaitu empat kali setahun, iaitu pada Janurai, April, Julai dan Oktober.

Pihak akademi mengenakan yuran kepada pelatih, iaitu yuran pengajaran $150 sebulan; yuran makanan dan penginapan $200 sebulan; wang cagaran bagi seluruh program $50 dan asrama $50.

Pelajar yang layak menerima biasiswa EON akan dibayar elaun $300 sebulan bagi tahun pertama dan ditambah kepada $330 sebulan bagi tahun kedua. Pelajar tajaan EON dikecualikan daripada yuran pembelajaran, tetapi potongan dibuat daripada biasiswa untuk bayaran makanan dan penginapan.

Kursus kepakaran mekanik pula dibuka kepada mereka yang sudah menjalani latihan dalam bidang mekanik automobil di mana-mana institusi teknikal atau setaraf dengannya atau mempunyai dua tahun pengalaman sebagai mekanik automobil dan lulus Sijil Rendah Pelajaran (SRP).

Sepanjang kurusus lima hari itu, pelatih dikenakan yuran penginapan dan makanan $30 sehari manakala $20 sehari bagi tanpa penginapan tetapi makanan tengah hari disediakan.



TEKUN...dua pelatih ini mendengar penerangan daripada jurulatih Akademi Saga dengan teliti untuk menyediakan diri menjadi mekanik mahir.